

24 OCT 1997

CHOGM-Mahathir

KOMANWEL PERLU TERUS WUJUD DALAM DUNIA TANPA SEMPADAN, KATA MAHATHIR

Oleh: Zainoor Sulaiman

EDINBURGH, 24 Okt (Bernama) -- Komanwel hanya dapat bertahan dalam era maklumat dan dunia tanpa sempadan jika ia menjadikan dirinya relevan daripada segi tradisi, perdagangan, pelaburan dan pembangunan, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

CHOGM tahun ini, yang memecah tradisi dengan mempunyai tema yang sama mengenai perdagangan, pelaburan dan pembangunan, dirasmikan oleh Ratu Elizabeth II yang tiba di dewan persidangan dengan berpakaian baju dan topi berwarna kuning.

Para hadirin juga menyaksikan persembahan video mengenai visi baru Komanwel.

Dalam ucapannya pada sesi eksekutif yang pertama pada Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel ke-31 di sini, Dr Mahathir berkata adalah sangat penting bagi Komanwel untuk memahami mengenai apa yang akan dihadapi pada masa ketika dunia menuju ke arah liberalisasi dan globalisasi, dan ketika keanggotaan dalam Komanwel dianggap kurang penting daripada keanggotaan komuniti antarabangsa.

"Kita tidak mempunyai masa yang panjang," katanya.

Dr Mahathir berkata: "Kuasa-kuasa bukan Komanwel tidak akan membenarkan Komanwel menjadi sebuah kelab eksklusif. Mereka melihat kekayaan dalam Komanwel untuk dieksploitasi. Dan mereka tidak akan dipinggirkan hanya kerana mereka bukan anggota kelab itu," katanya.

Beliau memberitahu ketua-ketua kerajaan Komanwel bahawa "kita di Asia Tenggara telah menyaksikan bagaimana dunia menjadi kacau bilau apabila perasaan tamak mengatasi segala-galanya."

"Bagi sebuah dunia untuk maju ia bukan sahaja memerlukan sebuah padang yang rata, tetapi "bagi persaingan yang adil, para pemain juga perlu mempunyai kebolehan yang sama," katanya.

Jika tidak, negara miskin akan terus menjadi bertambah miskin dalam sebuah dunia tanpa sempadan dan sekatan, kata Dr Mahathir.

"Saya berkata begini kerana Malaysia kini menghadapi serangan ke atas ekonominya selepas menerima konsep globalisasi dan meliberalkan peraturan perdagangan dan pelaburannya.

Menyentuh mengenai krisis matawang yang kini melanda Malaysia, beliau berkata "ia telah memusnahkan titik peluh dan usaha kita selama 40 tahun dalam tempoh beberapa minggu sahaja di bawah peraturan yang kami tidak terlibat langsung dalam pembentukannya."

"Kita harus berhati-hati apabila menerima konsep yang kita tidak terlibat dalam merangkanya," katanya.

Tanpa menyebut nama sesiapa, beliau berkata: "Mereka yang merompak daripada golongan miskin boleh menyamar sebagai dermawan dan menerima sanjungan."

Dr Mahathir berkata: "Ini adalah sebuah dunia yang tidak adil. Kebanyakan daripada kita bertungkus lumus dan ada yang bermandikan darah untuk mencapai kemerdekaan. Apabila sempadan dibuka dan dunia menjadi entiti tunggal, kemerdekaan tidak lagi bermakna. Semua dianggap setara tetapi yang licik dan kaya akan mengatasi yang lain."

Beliau berkata: "Adalah penting agar kita memahami apa yang bakal berlaku dan kemudian memilih sama ada untuk berjuang bersendirian menentang rintangan atau bersatu dalam Komanwel dan cuba membawa peraturan kepada dunia sejagat yang dicemuh oleh mereka yang berkepentingan."

"Dunia tiada pilihan tetapi untuk menjadi liberal dan bersifat lebih

global, tetapi dengan mengetepikan sempadan dan dasar-dasar kebangsaan tidak bermakna kita mengetepikan kaedah dan peraturan sama sekali," katanya.

Beliau berkata sejak dua atau tiga tahun kebelakangan ini beberapa negara di dalam dan luar Komanwel telah mengambil keputusan menerokai cara-cara baru kerjasama untuk mencapai pertumbuhan.

Dr Mahathir berkata: "Sebagai ganti kepada bantuan dan pinjaman, diputuskan bahawa perlu ada perkongsian, perkongsian membabitkan kerajaan dan sektor swasta, bersama-sama dengan pelabur asing. Perkongsian seperti ini harus menguntungkan semua pihak."

Perkongsian seperti ini harus membabitkan penyertaan "tulen" semua pihak mengikut bidang kepakaran atau sumber-sumber yang dimiliki masing-masing.

"Oleh itu sementara sebuah negara mungkin menjadi tuan rumah dan membekalkan tenaga kerja, negara lain akan membekalkan kepakaran atau pengurusan dan negara lain membekalkan modal. Objektifnya adalah untuk membolehkan negara tuan rumah membangunkan kepakaran agar mampu mewujudkan dan menguruskan perusahaan yang serupa dengan sendiri pada masa akan datang," katanya.

Dr Mahathir berkata dalam perkongsian ini, tumpuan bukan sahaja kepada pelaburan, tetapi juga terhadap kerajaan, pentadbiran, undang-undang, amalan dan etika yang sesuai kepada perjalanan projek-projek yang dilaburkan itu.

"Ini penting kerana perjalanan sebuah ekonomi pasaran adalah lebih kompleks daripada sebuah ekonomi sosialis. Jangan anggap kemahiran dalam pengurusan bersifat keturunan. Dalam konteks sebuah ekonomi moden, pengurusan sebenarnya lebih kompleks dan memerlukan kemahiran yang lebih tinggi. Kemahiran seperti ini harus diperolehi," katanya.

Komanwel boleh memastikan kejayaan cadangan bagi perkongsian pintar yang diilham pada Dialog Antarabangsa Langkawi (LID), Dialog Antarabangsa Selatan Afrika (SAID '97) dan Dialog Antarabangsa Barbados (BID), kata beliau.

"kebanyakan negara Komanwel yang telah matang dan berjaya dalam pengurusan pembangunan boleh membantu. Mereka boleh menawarkan latihan, penyertaan dalam perkongsian pintar dan membantu memasarkan barangan. Mereka boleh menyertai dalam penswastaaan institusi kerajaan dan infrastruktur."

"Kita tidak mempunyai banyak masa lagi," kata Perdana Menteri.

Terdahulu, dalam ucapan pembukaan, Perdana Menteri Britain Tony Blair menyuarakan sentimen yang sama.

"Dalam dunia yang orang kulit putih dan hitam tidak selalu hidup bersama secara harmoni, (Komanwel) boleh menjadi contoh toleransi, persefahaman dan persamaan. Dan dalam dunia yang utara dan selatan sering berkonflik, Komanwel boleh menyediakan forum kerjasama dan usahasama," kata beliau.

Blair berkata: "Hubungan antara negara maju dan negara membangun harus bersifat perkongsian. Kita memerlukan antara satu sama lain. Negara Komanwel yang kaya harus membantu negara Komanwel yang miskin, sekurang-kurangnya bagi meringan beban hutan."

Empat puluh dua ketua kerajaan bersama lapan wakil negara akan meneruskan perbincangan sehingga Sabtu sebelum meneruskan perentian di St Andrews, ke utara dari sini sebelum kembali semula untuk meneruskan persidangan pada Isnin.

-- BERNAMA

WAH ZS AKD FAZ